

TERHAD

Markas Angkatan Tentera Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan Anggota  
**Cawangan Staf Am**  
Kementerian Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR



Tel : 03 - 20714213  
Faks : 03 - 20712389

**2** Jun 22

BPA-CSA(KEB).100-6/1/24/24 - ( 89 )

Lihat Agihan

**ARAHAN PELAKSANAAN KENAIKAN KADAR CARUMAN DAN SUMBANGAN  
DERMA TANGGUNGAN SERTA PEMANJANGAN KEPADA PEGAWAI ATM**

Rujuk:

- A. Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke - 599 pada 7 Apr 22.
- B. MATM/BPA- CTK 9(A).100-1/10/4(34) bertarikh 13 Mei 22.
- C. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bilangan 11 Tahun 1973.
- D. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bilangan 18 Tahun 1965.

**AM**

1. Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa sidang MAT Ke-599 seperti di **Rujuk A** telah meluluskan kenaikan kadar caruman sebanyak RM2.00 dan sumbangan sebanyak RM1,500.00 bagi Tabung Derma Tanggungan serta pemanjangan kepada Pegawai ATM. Seterusnya, pemakluman dasar telah dihebahkan melalui **Rujuk B**.

**TUJUAN**

2. Arahan ini bertujuan untuk menerangkan prosedur serta tindakan susulan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Bahagian/Cawangan/Jabatan (BCJ) yang terlibat bagi melicinkan segala urusan berkaitan Derma Tanggungan.

**PELAKSANAAN**

3. **Syarat Kelayakan**. Semua anggota LLP ATM adalah layak mendapat sumbangan Derma Tanggungan sebanyak RM1,500.00 mulai 7 Apr 22 dan pemotongan caruman lebih sebanyak RM0.80 bagi tahun 2022 akan dibuat melalui akaun bayaran gaji anggota. Manakala bagi Pegawai ATM hanya layak mendapat sumbangan Derma Tanggungan setelah pemotongan gaji sebanyak RM2.00 dilaksanakan.

## TERHAD

4. **Tarikh Kuatkuasa**. Pemotongan caruman sebanyak RM2.00 setahun dan sumbangan Derma Tanggungan sebanyak RM1,500.00 berkuat kuasa 7 Apr 22.
5. **Borang Permohonan**. Tiada lagi borang permohonan untuk keahlian digunakan. Semua Peg dan LLP diwajibkan untuk membuat caruman. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) di **Rujuk C** dan **Rujuk D** akan dibuat pindaan mengikut perubahan dasar ini.
6. **Pemotongan Caruman**. Pemotongan caruman akan dilaksanakan oleh Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) dan hendaklah dilaksanakan melalui akaun bayaran gaji pegawai dan anggota LLP.

## **PENUTUP**

7. Adalah diharapkan agar Arahan Pelaksanaan Derma Tanggungan ini dapat dilaksana serta dimanfaatkan sebaiknya. Mohon YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat mematuhi dan menghebahkan arahan pelaksanaan ini kepada semua anggota dan formasi/pasukan di bawah naungan. Sekian untuk makluman serta tindakan pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya, terima kasih.



**DATUK ARMAN RUMAIZI BIN HJ AHMAD**  
Mej Jen  
bp Panglima Angkatan Tentera

Agihan:

Luar:

Tindakan:

MK TD - CSM  
(Untuk Perhatian : AKS SM)

MK TL - BSM  
(Untuk Perhatian : AKS SM)

MK TU - BSM  
(Untuk Perhatian : AKS SM)

Dalam:

## TERHAD

Tindakan:

BPA - UGAT  
(Untuk Perhatian: Pengarah)

MATM - Sek  
(Untuk Perhatian: Pengarah)

Maklumat:

AKS PA

TAKS PA

MATM-BPA  
(Untuk Perhatian: CTK - PTK)